



UPM Juara Nasyid MAKUM



Kumpulan Nasyid Nahwan Nur UPM bergambar selepas memenangi Festival Nasyid MAKUM 2008.

JOHOR BAHRU, 9 Dis – Kelab Nasyid Nahwan Nur Universiti Putra Malaysia (UPM) menjurai Festival Nasyid Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) 2008 pada 3 Disember yang lalu.

UPM telah merangkul tiga anugerah sampingan yang telah dipertandingkan iaitu Anugerah Solo Terbaik dimenangi oleh Wan Mohd Farhan Wan Zakaria, Anugerah Iringan Terbaik dan Anugerah Lagu Terbaik berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM2600.

Lagu 'Bicara Bonda' hasil ciptaan Wan Muhammad Salehudin Wan Hassan telah dipilih untuk lagu terbaik pada pertandingan festival nasyid tersebut.

"Kerjasama dalam sesebuah kumpulan nasyid adalah sangat penting untuk menghasilkan sebuah lagu yang terbaik dan bermutu tinggi.

"Kemenangan Nahwan Nur mempertahankan kejuaraan tiga kali berturut-turut pada pertandingan Nasyid Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan di UniMap sebelum ini dan kesemuanya adalah hasil usaha gigih berterusan serta komitmen dari semua pihak," kata Wan Muhammad ketika dihubungi.

Beliau berkata, penganjuran festival tersebut turut menyaksikan penyertaan yang terbesar melibatkan 15 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Kesemua peserta telah melalui peringkat saringan satu dan dua pada 2 Disember 2008 dan hanya lapan kumpulan sahaja yang layak ke peringkat akhir.

Antara universiti yang berjaya ke peringkat akhir ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Tempat kedua telah disandang oleh UKM turut memenangi Anugerah Lirik Terbaik membawa pulang RM1700, tempat ketiga dimenangi oleh UPSI membawa pulang RM1200 yang turut memenangi Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Busana terbaik dimenangi oleh UniMAP menerima wang RM200.

Sementara itu Anugerah Kumpulan Harapan 1 diberikan kepada UNIMAS dan Kumpulan Harapan 2 diberikan kepada UTM masing-masing membawa pulang RM200.

Oleh: Siti Arbayah Joseph
(suntingan Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia